

TAHAP KEPUASAN KE ATAS PENDAPATAN, PERBELANJAAN, SIMPANAN DAN PEMILIKAN HARTA ISI RUMAH DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI PUTRAJAYA

Mohd Haziman Ab Ghani

Laily Paim

Mohamad Fazli Sabri

Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna

Fakulti Ekologi Manusia

Pendahuluan

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan berusaha meningkatkan kesejahteraan hidup bagi semua lapisan masyarakat Malaysia tanpa mengenal batas agama dan bangsa. Kerajaan juga sentiasa mengambil pendekatan pembangunan yang seimbang dengan memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi selain mengutamakan kesejahteraan hidup kepada rakyat. Pihak kerajaan juga telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia bagi mengukur tahap kesejahteraan dengan menggunakan 14 komponen yang merangkumi subkomposit Kesejahteraan Ekonomi dan Kesejahteraan Sosial (Unit Perancang Ekonomi, 2013).

Kesejahteraan hidup penjawat awam adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian sewajarnya selaras dengan hasrat kerajaan dalam meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan berkesan dalam kalangan penjawat awam. Hal ini kerana pekerja yang mempunyai kesejahteraan hidup yang tinggi dapat memberikan kesan positif ke atas prestasi kerja mereka (Baptiste, 2008).

Kesejahteraan hidup merupakan satu bidang yang luas untuk dibincangkan dan diterokai. Namun, dalam bidang kesejahteraan hidup ini, terdapat pelbagai elemen kesejahteraan yang lain yang boleh dilihat seperti kesejahteraan ekonomi, sosial, psikologi, fizikal dan kewangan. Kajian ini memberikan tumpuan khusus kepada aspek berkaitan dengan Kesejahteraan Ekonomi Subjektif (*Subjective Economic Wellbeing*) kumpulan isi rumah dalam kalangan penjawat awam, kerana kebanyakan mereka tergolong dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah negara atau isi rumah B40 (*Bottom 40*), di samping kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus

pertengahan atau kumpulan isi rumah M40 (*Medium* 40), selaras dengan rangka Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) (RMKe-10) serta Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) (RMKe-11).

Selain tumpuan khusus pihak kerajaan kepada kumpulan B40, kerajaan juga turut memberikan tumpuan kepada kumpulan isi rumah M40 melalui insentif dengan pengurangan dua mata peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai antara 20 ribu hingga 70 ribu ringgit bagi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat dalam mengimbangi keperluan kumpulan lain (Kementerian Kewangan Malaysia, 2018).

Penetapan gaji baharu penjawat awam telah dilaksanakan mulai 1 Julai 2007 dan penambahbaikan sebanyak 252 skim perkhidmatan yang rata-ratanya melibatkan skim bagi kumpulan pelaksana mulai 1 Julai 2016. Semakan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesejahteraan hidup mereka dengan meningkatkan jumlah pendapatan melalui penetapan tangga gaji yang baharu. Namun, adakah dengan kenaikan dan penambahan gaji atau pendapatan ini telah berjaya meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka?

Berdasarkan kajian oleh Zaimah, Sarmila, Suhana, Yusuf dan Lyndon (2012), 80.8 peratus daripada responden yang merupakan penjawat awam menerima pendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah. Hal ini jelas menunjukkan kebanyakan responden tergolong dalam kumpulan B40 yang memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan dalam usaha memperkasa ekonomi kumpulan ini ke arah kumpulan menengah.

Berdasarkan sumber Jabatan Insolvensi Malaysia melalui kajian Yasotha, Laily, Fazli dan Husniyah (2016), berlaku pertambahan kes kebangkrapan dalam kalangan penjawat awam dari tahun 2005 hingga 2009 (1,086 kes) meningkat kepada 1,638 kes pada tahun 2013. Statistik yang melibatkan penjawat awam ini amat merisaukan, dan ia menggambarkan situasi pengurusan kewangan yang teruk dalam kalangan penjawat awam.

Walaupun terdapat pelbagai perubahan dan semakan dasar dibuat oleh pihak kerajaan kepada penjawat awam, dan pelbagai inisiatif dalam membantu kumpulan isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah, namun kesejahteraan ekonomi subjektif mereka perlu diberikan perhatian khusus dengan meneliti tahap kesejahteraan ekonomi mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap kepuasan pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

Tinjauan Literatur

Kesejahteraan hidup merupakan salah satu daripada agenda penting yang telah diberikan perhatian khusus oleh negara-negara maju sebagai salah satu agenda pembangunan negara mereka. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menjadikan aspek kesejahteraan hidup rakyat sebagai salah satu aspek yang diutamakan dalam pembangunan negara.

Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang memberikan nilai kepada manusia tentang bagaimana kehidupan mereka berkembang sama ada bertambah baik atau sebaliknya. Konsep ini mempunyai dimensi yang pelbagai, namun secara tradisinya ia diukur melalui petunjuk ekonomi, iaitu melalui tingkat pendapatan (Yusof, Ali, & Kamaruddin (2014). Pengukuran melalui tingkat pendapatan merupakan suatu pengukuran berbentuk objektif, namun begitu pengukuran ini diragui akan ketepatannya sebagai alat ukuran kepada kesejahteraan hidup. Oleh yang demikian, pengukuran kesejahteraan hidup subjektif (KHS) atau *Subjective Well-being* digunakan kerana ia boleh menggambarkan dengan lebih tepat tentang tahap kesejahteraan hidup seseorang.

Menurut Diener, Suh dan Oishi (1997), KHS ini merujuk kepada bagaimana seseorang itu menilai tahap kehidupan mereka. KHS ini merupakan istilah saintifik yang digunakan untuk menggambarkan kepuasan hidup (*life satisfaction*) dan kebahagiaan (*happiness*), namun ketiga-tiga istilah ini membawa pengertian yang berbeza walaupun seakan-akan sama maksudnya.

Salah satu dimensi yang boleh digunakan untuk melihat KHS adalah melalui kesejahteraan ekonomi subjektif (KES) atau *Subjective Economic Well-being*. Kajian ini telah menumpukan kepada dimensi KES dengan memberikan fokus kepada beberapa pemboleh ubah seperti pendapatan, perbelanjaan, pemilikan harta dan simpanan isi rumah dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya.

Kesejahteraan ekonomi adalah merupakan satu daripada elemen penting yang digunakan bagi mengukur kesejahteraan hidup seseorang individu atau isi rumah secara menyeluruh (Paim, Yahaya, Salleh, Hashim, & Yahaya, 2004). Bagi menerangkan tentang konsep KES, Hayhoe dan Wilhelm (1998) merujuknya sebagai tanggapan atau penilaian seseorang mengenai keadaan atau tahap ekonomi mereka berdasarkan apa-apa yang diperlukan dan apa-apa yang dikehendaki. Manakala, Fuentes dan Rojas (2001) dalam kajiannya menyatakan bahawa kebanyakan pakar ekonomi merujuk kesejahteraan ekonomi kepada ketinggian aras pendapatan mempunyai kaitan dengan ketinggian aras kesejahteraan seseorang melalui penggunaan barangan

material yang tinggi. Hal ini bermaksud peningkatan pendapatan seseorang akan menyebabkan peningkatan dalam kesejahteraan hidup mereka.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kesejahteraan ekonomi individu atau isi rumah yang telah digunakan oleh pengkaji lepas. Namun, untuk kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa pemboleh ubah seperti pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta sebagai faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi subjektif seseorang.

Pendapatan merupakan suatu faktor yang paling utama dalam menentukan penggunaan. Perkaitan antara pendapatan dengan penggunaan (*consumption*) telah dipersetujui oleh banyak pengkaji (Paim, 2009). Menurut beliau, kesejahteraan masyarakat bergantung pada bagaimana pendapatan digunakan, bukan pada tahap pendapatan itu sendiri. Fuentes dan Rojas (2001) dalam kajiannya pula telah menggunakan beberapa variabel ekonomi seperti pendapatan isi rumah semasa, tahap ekonomi lepas, jangkaan pendapatan masa hadapan, persepsi kepuasan terhadap keperluan barangan material, keperihatinan terhadap ekonomi keluarga dan pemilikan rumah sebagai faktor-faktor penentu kesejahteraan ekonomi.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2016a), purata pendapatan isi rumah rakyat Malaysia pada tahun 2016 ialah sebanyak RM6,958 berbanding dengan RM6,141 pada tahun 2014, dengan mengambil kira pendapatan ketiga-tiga kumpulan isi rumah di Malaysia. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2014 & 2016), purata pendapatan kumpulan B40 telah meningkat daripada RM2,537 pada tahun 2014 kepada RM2,848 pada tahun 2016 manakala bagi kumpulan M40, berlaku peningkatan daripada RM5,662 kepada RM6,502 bagi tahun 2016.

Penemuan Lewis (2014) dalam kajiannya mendapati isi rumah yang memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dilaporkan lebih berpuas hati dan gembira dengan kehidupan mereka di samping secara puratanya mengalami perasaan bimbang yang rendah.

Laily *et al.* (2004), menyatakan bahawa perbelanjaan merupakan elemen bagi mengukur tahap penggunaan yang seterusnya dapat meningkatkan tahap kesejahteraan individu atau isi rumah. Hal ini selaras dengan kajian oleh Fuentes dan Rojas (2001) yang turut menyatakan tahap penggunaan material yang tinggi dapat meningkatkan tahap kesejahteraan hidup seseorang.

Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES), yang dijalankan pada tahun 2016 dan 2017. Corak perbelanjaan isi rumah dianalisis dan dipersembahkan di peringkat nasional, negeri dan strata yang terdiri daripada corak perbelanjaan

isi rumah, perbelanjaan penggunaan isi rumah keseluruhan dan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata dan penengah mengikut Kumpulan Utama.

Kajian ini menunjukkan bahawa purata perbelanjaan telah meningkat daripada RM2,027 bagi tahun 2014 kepada RM2,284 bagi tahun 2016 untuk kumpulan B40, manakala peningkatan purata perbelanjaan bagi kumpulan M40 daripada RM3,629 (2014) kepada RM4,104 (2016). Namun begitu, nisbah antara purata pendapatan dengan purata perbelanjaan perlu diberikan perhatian, terutamanya bagi kumpulan isi rumah B40 kerana purata kenaikan perbelanjaan adalah lebih besar berbanding dengan purata kenaikan pendapatan bagi kumpulan isi rumah M40 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014b & 2016b)

Menurut Zulkipli (2016), pertumbuhan perbelanjaan isi rumah lebih laju berbanding dengan pendapatan isi rumah sejak lima tahun, bagi tempoh 2012 hingga 2016. Peningkatan kos perbelanjaan ini menyebabkan pengguna atau isi rumah meletakkan persepsi bahawa berlakunya peningkatan kos sara hidup dalam perbelanjaan mereka. Peningkatan kos sara hidup ini lebih merumitkan lagi dan menjejaskan kesejahteraan ekonomi isi rumah.

Kajian bagi perkaitan antara kesejahteraan hidup dengan perbelanjaan juga turut dijalankan oleh Dutt (2006), iaitu beliau menyatakan bahawa perbelanjaan yang banyak ke atas pakaian, termasuk kasut berbanding barangan lain mampu memberi pandangan yang lebih baik daripada orang lain, iaitu melalui penampilan, dan mampu membolehkan individu tersebut mendapat pekerjaan atau berjaya menarik perhatian pelanggan.

Selain itu juga, simpanan turut digunakan pengkaji sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi KES. Kajian Howell, Howell dan Schwabe (2006) ke atas Orang Asli di Semenanjung Malaysia mendapati terdapat perkaitan yang positif antara simpanan dengan kepuasan hidup, dan mereka menyimpulkan bahawa simpanan dapat meningkatkan kepuasan hidup seseorang. Kajian Gokdemir (2015) mendapati simpanan adalah berkait rapat dengan kesejahteraan hidup yang tinggi. Penemuan kajian berkenaan melaporkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara simpanan dengan kepuasan hidup dalam kalangan responden lelaki.

Kajian yang dijalankan oleh Hamid dan Samah (2004) dalam kalangan warga emas di Johor Darul Takzim melaporkan bahawa tiga bentuk pemilikan harta yang paling banyak dimiliki adalah dalam bentuk simpanan tunai, hartanah dan perniagaan serta polisi insurans. Simpanan wang merupakan bentuk pemilikan harta yang banyak dilakukan, iaitu simpanan dalam bentuk tunai, saham, sijil simpanan premium dan simpanan tunai di Tabung Haji adalah

antara yang paling banyak dibuat. Menurut Weagley dan Gannon (1991) melalui Xiao (1995), terdapat empat kategori aset isi rumah iaitu simpanan, perumahan, sekuriti kewangan dan pelaburan persaraan.

Berdasarkan penemuan kajian-kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor atau pemboleh ubah yang telah digunakan oleh pengkaji lepas bagi mengukur tahap kesejahteraan ekonomi iaitu melalui pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta. Namun, pengukuran kajian secara subjektif melalui tahap kepuasan responden terhadap pemboleh ubah yang dipilih amat terhad. Disebabkan keterbatasan tersebut, maka perkaitan antara pemboleh ubah bebas iaitu pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta dengan kesejahteraan ekonomi subjektif tidak ditunjukkan dalam kajian-kajian terdahulu. Oleh itu, penemuan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuran secara subjektif, melalui tahap kepuasan pemboleh ubah terpilih ke atas kesejahteraan ekonomi.

Metodologi Kajian

Pada masa kajian dijalankan pada tahun 2017, terdapat sebanyak 24 buah Kementerian di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Daripada keseluruhan 24 buah Kementerian ini, hanya lima buah Kementerian sahaja yang dipilih melalui kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*). Kementerian yang terpilih ialah Kementerian Pertanian Malaysia (*MOA*), Kementerian Sumber Asli (*NRE*), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (*MDTCC*), Kementerian Pengangkutan (*MOT*), dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (*MHLG*).

Pegawai pentadbir di setiap kementerian diberikan taklimat mengenai ciri-ciri responden yang diperlukan terlebih dahulu sebelum borang soal selidik diedarkan. Hal ini bagi membolehkan responden yang diperlukan adalah selaras dengan kajian yang dijalankan. Pemilihan responden ini pula dibuat dalam kalangan penjawat awam yang menyandang grad jawatan 54 dan ke bawah, iaitu daripada kumpulan pengurusan dan profesional (P&P) serta daripada kumpulan pelaksana.

Sebanyak 400 orang sampel disasarkan dalam kajian ini, dan sebanyak 150 borang soal selidik telah diedarkan untuk setiap kementerian, yang menjadikan jumlah keseluruhan borang soal selidik yang diedarkan ialah sebanyak 750 set. Pengiraan saiz sampel kajian dibuat berdasarkan saiz persampelan yang dicadangkan oleh Dillman (2011). Berdasarkan jumlah responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini, sebanyak 205 orang responden daripada kumpulan P&P manakala sebanyak 264 orang responden

daripada kumpulan pelaksana, yang menjadikan jumlah keseluruhan responden kajian ini sebanyak 469 orang. Proses pengedaran dan pengumpulan data dilaksanakan selama dua minggu, iaitu dari 14 Disember 2017 sehingga 28 Disember 2017 di lima buah kementerian setelah mendapat kebenaran daripada semua Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan.

Bagi mengukur tahap kepuasan reponden berkaitan dengan pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta, skala Likert (5 skala) telah digunakan iaitu, “Sangat Tidak Berpuas Hati”, “Tidak Berpuas Hati”, “Neutral”, “Berpuas Hati” dan “Sangat Berpuas Hati”.

Kerangka konsep kajian ini dibangunkan berdasarkan Model Penggunaan dan Pengeluaran yang diperkenalkan oleh Magrabi, Chung, Cha dan Yang (1991) yang telah mengaplikasikan pendekatan pengurusan iaitu input, penghantaran (*throughput*) dan output dan menyusun elemen-elemen penggunaan iaitu pemilihan, penggunaan dan pelupusan dalam mencapai kebahagiaan dalam sesebuah isi rumah. Di samping itu juga, model Kitaran Pendapatan dan Pola Penggunaan yang diperkenalkan oleh Brown (1995) menunjukkan perkaitan antara pendapatan, perbelanjaan dan simpanan dengan penggunaan sepanjang hayat. Di samping itu juga, penyelidik turut meneliti Teori Utiliti yang dibangunkan oleh Marshall (1920). Teori ini mengaitkan utiliti seseorang dengan tahap kebahagiaan (*happiness*) atau keseronokan (*pleasure*) dan kepuasan (*satisfaction*). Konsep utiliti yang diperkenalkan oleh Alfred Marshall ini mengukur kepuasan yang diperoleh oleh seseorang individu daripada penggunaan sesuatu barangan atau perkhidmatan, dan kepuasan ini boleh diukur dan dinyatakan dalam nilai util. Jumlah kepuasan yang diperoleh oleh seseorang kesan daripada penggunaan sejumlah barang atau perkhidmatan disebut sebagai Jumlah Utiliti.

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan bagi pengukuran secara objektif telah diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Ismail (2016), manakala bagi pengukuran secara subjektif, ia dibentuk sendiri oleh penyelidik, dengan semakan dibuat oleh jawatankuasa penyelidikan.

Kesahan konstruk instrumen telah diuji melalui analisis faktor penerokaan (*Exploratory Factor Analysis*) yang menghasilkan sebanyak empat dimensi bagi keseluruhan item yang ditanyakan dan ujian kebolehpercayaan, dan hasil ujian kebolehpercayaan adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ujian Kebolehpercayaan

Konstruk	Bilangan Item	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> Kajian Sebenar (n=469)
Pendapatan	11	0.953
Perbelanjaan	9	0.914
Simpanan	10	0.963
Pemilikan Harta	10	0.952

Selanjutnya, analisis data telah menggunakan perisian *Statistical Package for Sciences Social (SPSS)* dan bagi memerihalkan data secara deskriptif, statistik frekuensi telah digunakan.

Hasil Kajian

Dapatan kajian ini membincangkan tentang maklumat latar belakang sosiodemografi responden dan tahap kepuasan responden terhadap empat pemboleh ubah bebas.

Latar belakang sosiodemografi

Jadual 2 menunjukkan maklumat latar belakang responden secara keseluruhan yang melibatkan seramai 469 orang responden (n=469). Responden kajian ini terdiri daripada 40.9 peratus lelaki dan 59.1 peratus wanita. Berdasarkan analisis, hanya 15.4 peratus responden muda yang berusia 30 tahun ke bawah, berbanding dengan 81.4 peratus responden yang berusia antara 31 hingga 49 tahun yang paling banyak, manakala hanya 3.2 peratus responden yang berusia 50 tahun ke atas.

Bagi taburan etnik pula, responden yang berbangsa Melayu mencatatkan bilangan yang paling tinggi iaitu sebanyak 431 (91.9%), diikuti berbangsa India (4.1%), Cina (2.1%) dan lain-lain etnik (1.7%). Dari segi status perkahwinan pula, responden yang telah berkahwin mencatatkan bilangan yang tertinggi, iaitu 80.0 peratus diikuti responden bujang (17.7%) manakala 2.3 peratus lagi adalah duda atau balu atau berpisah.

Seterusnya, dari segi bilangan isi rumah mula, kumpulan bilangan isi rumah antara 4 hingga 6 orang merupakan kumpulan isi rumah yang paling banyak, iaitu 58.6 peratus diikuti kumpulan isi rumah antara 2 hingga 3 orang (25.6%), manakala paling rendah dicatatkan oleh kumpulan isi rumah yang melebihi 10 orang isi rumah (0.6%). Dari segi tahap pendidikan pula, didapati peratus tertinggi datang daripada kumpulan responden berpendidikan Ijazah Sarjana Muda (39.4%), diikuti sijil/ diploma/ STPM

(27.3%), SPM (18.6%) manakala peratus terendah datang daripada kumpulan responden berpendidikan peringkat sarjana (14.7%).

Dari segi tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam pula, peratusan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan yang berkhidmat antara 6 hingga 10 tahun (42.4%), diikuti kumpulan perkhidmatan 10 hingga 15 tahun (29.4%), kumpulan 16 tahun ke atas (15.8%) manakala peratusan terendah dicatatkan oleh kumpulan 5 tahun ke bawah, iaitu 12.4 peratus sahaja.

Analisis kajian ini juga mendapati bilangan responden daripada kumpulan pelaksana lebih banyak, iaitu sebanyak 56.3 peratus berbanding dengan kumpulan pengurusan dan professional (43.7%).

Analisis terhadap tempat bertugas responden pula mendapati responden daripada *MHLG* mencatatkan jumlah responden tertinggi, iaitu 26.7 peratus diikuti *MDTCC* (25.4%), *NRE* (21.1%), *MOT* (16.4%) manakala responden terendah datang daripada *MOA* (10.4%) sahaja.

Jadual 2: Maklumat Sosiodemografi Responden

Angkubah	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	192	40.9
Wanita	277	59.1
Umur Responden		
30 tahun ke bawah	72	15.4
31-49 tahun	382	81.4
50 tahun ke atas	15	3.2
Etnik		
Melayu	431	91.9
Cina	10	2.1
India	19	4.1
Lain-lain	8	1.7
Taraf Perkahwinan		
Bujang	83	17.7
Berkahwin	375	80.0
Duda/ Balu / Berpisah	11	2.3
Bilangan Isi Rumah		
1 orang	35	7.5
2-3 orang	120	25.6
4-6 orang	275	58.6
7-10 orang	36	7.7
Lebih 10 orang	3	0.6

Jadual 2 (sambungan)

Angkubah	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Tahap Pendidikan		
SPM	87	18.6
Sijil/ Diploma/ STPM	128	27.3
Ijazah Sarjana Muda	185	39.4
Sarjana	69	14.7
Kumpulan Perkhidmatan		
Kumpulan Pelaksana	264	56.3
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)	205	43.7
Kementerian		
<i>MOA</i>	49	10.4
<i>MOT</i>	77	16.4
<i>MDTCC</i>	119	25.4
<i>NRE</i>	99	21.1
<i>MHLG</i>	125	26.7

Tahap kepuasan ke atas pendapatan

Bagi menilai tahap kepuasan terhadap pendapatan, sebanyak 11 item ditanyakan dan maklum balas yang diterima adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap kepuasan ke atas pendapatan

Bil.	Pernyataan	n(%)				
		STPH	TPH	N	BH	SBH
Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:						
1.	Pendapatan hakiki yang diterima pada hari ini?	15 (3.2)	78 (16.6)	205 (43.7)	145 (30.9)	26 (5.5)
2.	Jumlah pendapatan keseluruhan mencukupi untuk menampung keperluan bulanan diri anda?	19 (4.1)	98 (20.9)	181 (38.6)	150 (32.0)	21 (4.5)
3.	Jumlah kenaikan gaji tahunan pekerjaan hakiki/ pekerjaan utama anda sebagai Penjawat Awam?	32 (6.8)	114 (24.3)	180 (38.4)	119 (25.4)	24 (5.1)
4.	Peningkatan pendapatan anda daripada pelbagai sumber berbanding dengan 12 bulan yang lepas?	34 (7.2)	73 (15.6)	240 (51.2)	102 (21.7)	20 (4.3)

Jadual 3 (sambungan)

Bil.	Pernyataan	n(%)				
		STPH	TPH	N	BH	SBH
5.	Pendapatan bulanan yang diterima sehingga mampu untuk dibuat simpanan atau pelaburan?	45 (9.6)	116 (24.7)	190 (40.5)	99 (21.1)	10 (4.1)
6.	Secara keseluruhannya, sejauh mana anda berpuas hati terhadap keseluruhan pendapatan anda?	23 (4.9)	101 (21.5)	191 (40.7)	134 (28.6)	20 (4.3)
7.	Pendapatan mencukupi untuk menampung keperluan isi rumah anda?	18 (3.8)	88 (18.8)	182 (38.8)	159 (33.9)	22 (4.7)
8.	Pertambahan pendapatan isi rumah anda setiap tahun?	23 (4.9)	87 (18.6)	217 (46.3)	123 (26.2)	19 (4.1)
9.	Peningkatan pendapatan isi rumah daripada pelbagai sumber?	31 (6.6)	92 (19.6)	243 (51.8)	90 (19.2)	13 (2.8)
10.	Peningkatan pendapatan isi rumah anda daripada pelbagai sumber berbanding dengan 12 bulan yang lepas?	34 (7.2)	88 (18.8)	248 (52.9)	83 (17.7)	16 (3.4)
11.	Secara keseluruhannya, sejauh mana anda berpuas hati terhadap keseluruhan pendapatan isi rumah anda?	26 (5.5)	85 (18.1)	202 (43.1)	137 (29.2)	19 (4.1)

Petunjuk:

STPH = Sangat Tidak Puas Hati,

TPH = Tidak Puas Hati,

N = Neutral, **BH** = Berpuas Hati, **SBH** = Sangat Berpuas Hati

Daripada analisis Jadual 3, penyelidik mendapati peratusan tahap kepuasan “Sangat Berpuas Hati” yang tertinggi dicatatkan adalah bagi item pertama, iaitu bagi pernyataan “pendapatan hakiki yang diterima pada hari ini” sebanyak 5.5 peratus daripada 26 orang responden manakala peratusan tahap kepuasan “Sangat Tidak Berpuas Hati” yang tertinggi pula melalui item kelima, iaitu bagi pernyataan “Pendapatan bulanan yang diterima sehingga mampu untuk dibuat simpanan atau pelaburan” sebanyak 9.6 peratus daripada 45 orang responden.

Tahap Kepuasan ke Atas Perbelanjaan

Bagi menilai tahap kepuasan terhadap perbelanjaan responden, sebanyak sembilan item ditanyakan dan maklum balas yang diterima adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Tahap kepuasan terhadap perbelanjaan

Bil.	Pernyataan	n(%)				
		STPH	TPH	N	BH	SBH
	Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:					
1.	Corak perbelanjaan bulanan anda?	15 (3.2)	74 (15.8)	252 (53.7)	115 (24.5)	13 (2.8)
2.	Perbelanjaan bulanan yang dibuat memenuhi keperluan anda?	16 (3.4)	72 (15.4)	222 (47.3)	146 (31.1)	13 (2.8)
3.	Perubahan (peningkatan/penurunan) perbelanjaan yang dibuat untuk menangani kos sara hidup yang meningkat?	21 (4.5)	96 (20.5)	218 (46.5)	115 (24.5)	19 (4.1)
4.	Disiplin perbelanjaan anda?	10 (2.1)	72 (15.4)	234 (49.9)	130 (27.7)	23 (4.9)
5.	Perbelanjaan terhadap barangan yang berjenama dan mewah?	51 (10.9)	72 (15.4)	261 (55.7)	70 (14.9)	15 (3.2)
6.	Perbelanjaan ke atas barangan yang mampu menonjolkan diri anda (cth.: baju dan kasut) dalam khalayak atau rakan sekerja?	34 (7.2)	79 (16.8)	265 (56.5)	80 (17.1)	11 (2.3)
7.	Perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan anda pada hari ini bagi mengekalkan taraf kehidupan isi rumah anda?	21 (4.5)	59 (12.6)	261 (55.7)	116 (24.7)	12 (2.6)
8.	Secara keseluruhannya, sejauh mana kepuasan anda terhadap keseluruhan perbelanjaan anda?	18 (3.8)	79 (16.8)	218 (46.5)	140 (29.9)	14 (3.0)

Jadual 4 (sambungan)

Bil.	Pernyataan	n(%)				
		STPH	TPH	N	BH	SBH
	Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:					
9.	Secara keseluruhannya, sejauh mana kepuasan anda terhadap keseluruhan perbelanjaan isirumah anda?	20 (4.3)	81 (17.3)	217 (46.3)	139 (29.6)	12 (2.6)

Petunjuk:

STPH = Sangat Tidak Puas Hati,

TPH = Tidak Puas Hati,

N = Neutral, **BH** = Berpuas Hati, **SBH** = Sangat Berpuas Hati

Daripada analisis seperti dalam Jadual 4, penyelidik mendapati peratusan tahap kepuasan “Sangat Berpuas Hati” bagi perbelanjaan yang tertinggi dicatatkan adalah bagi item nombor empat, iaitu “disiplin perbelanjaan anda” yang mencatatkan 4.9 peratus daripada 23 orang responden. Pernyataan ini bagi menunjukkan tahap disiplin perbelanjaan yang diamalkan oleh responden. Manakala, peratusan yang tertinggi untuk tahap kepuasan “Sangat Tidak Berpuas Hati” bagi perbelanjaan pula dicatatkan menerusi item nombor lima, iaitu menerusi pernyataan “perbelanjaan terhadap barangan yang berjenama dan mewah” yang mencatatkan 10.9 peratus responden. Pernyataan ini menunjukkan responden tidak berbelanja bagi barangan yang berjenama dan mewah. Hal ini berkemungkinan mereka tidak berkemampuan atau tidak gemar untuk mengamalkan perbelanjaan bagi barangan yang berjenama.

Tahap kepuasan ke atas simpanan

Jadual 5 menunjukkan tahap kepuasan terhadap simpanan. Berdasarkan 10 item soalan yang ditanyakan, analisis mendapati peratusan tahap kepuasan “Sangat Berpuas Hati” bagi simpanan yang tertinggi dicatatkan adalah bagi item nombor dua, iaitu bagi pernyataan “bentuk simpanan yang dilakukan sekarang” yang mencatatkan 4.1 peratus responden. Pernyataan ini menunjukkan responden sangat berpuas hati dengan kepelbagaian instrumen simpanan mereka. Pada masa yang sama, bagi peratusan tertinggi untuk tahap kepuasan “Sangat Tidak Berpuas Hati” untuk simpanan adalah menerusi item nombor 6, iaitu bagi pernyataan “jumlah simpanan jika dibandingkan dengan usia anda pada hari ini” yang mencatatkan 18.8 peratus responden. Pernyataan ini menunjukkan simpanan yang dimiliki oleh responden adalah pada tahap yang rendah berbanding dengan peningkatan usia yang semakin bertambah.

Jadual 5: Tahap kepuasan responden terhadap simpanan

Bil.	Pernyataan	n (%)				
		STPH	TPH	N	BH	SBH
Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:						
1.	Jumlah simpanan bulanan yang dibuat?	66 (14.1)	150 (32.0)	165 (35.2)	76 (16.2)	12 (2.6)
2.	Bentuk simpanan yang dilakukan sekarang?	45 (9.6)	91 (19.4)	190 (40.5)	124 (26.4)	19 (4.1)
3.	Jumlah simpanan keseluruhan yang dibuat?	70 (14.9)	126 (26.9)	181 (17.3)	81 (17.3)	11 (2.3)
4.	Matlamat yang telah berjaya dicapai melalui simpanan yang dilakukan?	51 (10.9)	134 (28.6)	179 (38.2)	91 (19.4)	14 (3.0)
5.	Jumlah simpanan jika dibandingkan dengan tempoh perkhidmatan/ tempoh bekerja yang telah dilalui?	76 (16.2)	160 (34.1)	157 (33.5)	66 (14.1)	10 (2.1)
6.	Jumlah simpanan jika dibandingkan dengan usia anda pada hari ini?	88 (18.8)	169 (36.0)	151 (32.2)	51 (10.9)	10 (2.1)
7.	Pulangan kepada pelaburan yang anda buat?	60 (12.8)	117 (24.9)	209 (44.6)	75 (16.0)	8 (1.7)
8.	Jumlah simpanan yang dibuat mampu mengurangkan tekanan kewangan kepada anda dan isi rumah?	49 (10.4)	103 (22.0)	201 (42.9)	104 (22.2)	12 (2.6)
9.	Simpanan dalam menempuhi fasa persaraan kelak?	62 (13.2)	140 (29.9)	178 (38.0)	77 (16.4)	12 (2.6)
10.	Secara keseluruhannya, sejauh mana kepuasan anda terhadap keseluruhan simpanan anda dan isi rumah anda?	57 (12.2)	148 (31.6)	177 (37.7)	78 (16.6)	9 (1.9)

Petunjuk:

STPH = Sangat Tidak Puas Hati,

TPH = Tidak Puas Hati,

N = Neutral, **BH** = Berpuas Hati, **SBH** = Sangat Berpuas Hati

Tahap kepuasan ke atas pemilikan harta

Jadual 6 menunjukkan maklum balas terhadap 10 item yang ditanyakan mengenai tahap kepuasan terhadap pemilikan harta yang dimiliki. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan “Sangat Berpuas Hati” yang tertinggi untuk pemilikan harta dicatatkan menerusi item nombor 6, iaitu melalui pernyataan

“Pemilikan rumah kediaman sendiri sebagai keperluan asas pada hari ini” yang mencatatkan peratusan sebanyak 5.3 peratus responden.

Dalam pada itu, tahap kepuasan “Sangat Tidak Berpuas Hati” yang tertinggi untuk pemilikan harta pula dicatatkan menerusi item nombor 3, iaitu “pemilikan harta dalam bentuk pelaburan persaraan” yang mencatatkan peratusan sebanyak 18.6 peratus responden. Pernyataan ini adalah bagi menunjukkan tahap simpanan untuk hari tua yang rendah, yang dimiliki oleh responden.

Jadual 6: Tahap kepuasan responden terhadap pemilikan harta

Bil.	Pernyataan	n(%)				
		STPH	TPH	N	BH	SBH
Sejauh mana anda berpuas hati terhadap:						
1.	Pemilikan harta dalam bentuk simpanan tunai (cth.: simpanan di institusi kewangan)?	60 (12.8)	133 (28.4)	194 (41.4)	73 (15.6)	9 (1.9)
2.	Pemilikan harta dalam bentuk hartanah?	80 (17.1)	118 (25.2)	173 (36.9)	84 (17.9)	14 (3.0)
3.	Pemilikan harta dalam bentuk pelaburan persaraan?	87 (18.6)	128 (27.3)	184 (39.2)	62 (13.2)	8 (1.7)
4.	Pemilikan harta dalam bentuk insurans hayat/ produk takaful/ perlindungan insurans kesihatan?	63 (13.4)	83 (17.7)	205 (43.7)	101 (21.5)	17 (3.6)
5.	Pemilikan harta yang dimiliki pada hari ini selaras dengan pendapatan yang diterima?	59 (12.6)	113 (24.1)	200 (42.6)	87 (18.6)	10 (2.1)
6.	Pemilikan rumah kediaman sendiri sebagai keperluan asas pada hari ini?	52 (11.1)	83 (17.7)	175 (37.3)	134 (28.6)	25 (5.3)
7.	Kepelbagaian pemilikan harta/aset yang dimiliki pada hari ini?	55 (11.7)	106 (22.6)	201 (42.9)	95 (20.3)	12 (2.6)
8.	Pemilikan harta berbanding dengan tempoh perkhidmatan/tempoh anda telah bekerja ?	57 (12.2)	105 (22.4)	209 (44.6)	83 (17.7)	15 (3.2)

Jadual 6 (sambungan)

9.	Pemilikan harta berbanding dengan umur anda sekarang?	66 (14.1)	117 (24.9)	186 (39.7)	86 (18.3)	14 (3.0)
10.	Secara keseluruhannya, sejauh mana kepuasan anda terhadap keseluruhan pemilikan harta/aset yang isirumah anda miliki?	52 (11.1)	111 (23.7)	200 (42.6)	90 (19.2)	16 (3.4)

Petunjuk:

STPH = Sangat Tidak Puas Hati,

TPH = Tidak Puas Hati,

N = Neutral, **BH** = Berpuas Hati, **SBH** = Sangat Berpuas Hati

Pengukuran tahap kepuasan responden terhadap pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta

Bagi mengukur tahap kepuasan responden terhadap empat pemboleh ubah bebas, iaitu pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta, kajian ini telah menggunakan formula (maksimum-minimum)/3, iaitu *Possible Total Score*, di mana tahap kepuasan bagi kesemua pemboleh ubah dijumlahkan dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi, sebagaimana pembahagian tahap kesejahteraan kewangan pekerja muda melalui kajian oleh Narges dan Paim (2011). Penemuan tahap kepuasan bagi kajian ini adalah seperti dalam Jadual 8 berikut:

Jadual 8: Tahap kepuasan berdasarkan *Possible Total Score*

Bil.	Pemboleh Ubah	Bil. Item	Tahap Kepuasan	Frekuensi (n)	Peratus (%)
1.	Pendapatan	11	Rendah (11 - 25) Sederhana(26 - 39) Tinggi (40 - 55)	83 277 109	17.7 59.1 23.2
2.	Perbelanjaan	9	Rendah (9 - 21) Sederhana(22 - 34) Tinggi (35 - 45)	59 349 61	12.6 74.4 13
3.	Simpanan	10	Rendah (10 - 23) Sederhana(24 - 37) Tinggi (38 - 50)	167 243 59	35.6 51.8 12.6
4.	Pemilikan Harta	10	Rendah (10 - 23) Sederhana(24 - 37) Tinggi (38 - 50)	146 262 61	31.1 55.9 13.0

Sebanyak 11 item ditanyakan bagi mengukur tahap kepuasan responden terhadap pendapatan, sembilan item bagi perbelanjaan, 10 item bagi simpanan dan 10 item untuk pemilikan harta. Pengkategorian tahap adalah

mengikut kaedah formula *Possible Total Scores* (skor maksimum ditolak skor minimum) dan dibahagikan kepada tiga tahap kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi, bagi mendapatkan tahap kepuasan keempat-empat pemboleh ubah bebas tersebut. Berdasarkan Jadual 8, analisis mendapati tahap kepuasan bagi keempat-empat pemboleh ubah didapati berada pada tahap sederhana dan pengkategorian ini dibuat berdasarkan mengikut jumlah skor yang diperoleh.

Bagi pemboleh ubah pendapatan, analisis menunjukkan bahawa tahap kepuasan responden terhadap pendapatan berada pada tahap sederhana. Sebanyak 277 orang responden (59.1%) dikategorikan berada pada tahap sederhana, diikuti kepuasan pada tahap tinggi oleh sebanyak 23.2 peratus responden manakala sebanyak 17.7 peratus mengisytiharkan tahap kepuasan pendapatan mereka pada tahap rendah, berdasarkan nilai skor yang diperoleh.

Bagi kepuasan responden terhadap perbelanjaan pula, sebanyak 74.4 peratus responden dikategorikan berada pada tahap sederhana, diikuti kepuasan pada tahap tinggi oleh sebanyak 13.0 peratus dan pada tahap rendah, iaitu sebanyak 12.6 peratus.

Bagi pengukuran kepuasan responden terhadap simpanan pula, analisis mendapati tahap kepuasan mereka juga berada pada tahap sederhana. Tahap kepuasan simpanan sebanyak 51.8 peratus responden dikategorikan berada pada tahap sederhana, diikuti pada tahap rendah oleh sebanyak 35.6 peratus, manakala sebanyak 12.6 peratus dikategorikan berada pada tahap tinggi.

Analisis ke atas pemboleh ubah pemilikan harta pula mendapati, sebanyak 55.9 peratus responden dikategorikan tahap kepuasan pemilikan harta berada pada tahap sederhana, 31.1 peratus responden berada pada tahap rendah manakala 13.0 peratus berada pada tahap tinggi.

Kesimpulan dan Implikasi

Kajian mengenai tahap kepuasan terhadap pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta isi rumah sangat penting dijalankan bagi memahami dengan lebih jelas tahap kepuasan ekonomi isi rumah responden. Hasil penemuan kajian ini boleh dijadikan input kepada pihak kerajaan dalam menggubal dasar-dasar baharu yang melibatkan kepentingan ekonomi penjawat awam di negara ini, terutamanya dalam penetapan tangga gaji dan bayaran elaun. Semakan penetapan tangga gaji dan elaun-elaun boleh diteliti dan dilaksanakan selaras dengan keadaan iklim ekonomi semasa, dengan menyemak kembali tahap kepuasan terhadap pendapatan dalam kalangan penjawat awam. Semakan penetapan pendapatan diharap dapat ditingkatkan dari tahap yang sederhana ke tahap kepuasan yang tinggi.

Memandangkan tahap kepuasan terhadap perbelanjaan berada pada tahap sederhana pula, usaha bagi meningkatkan disiplin dalam merancang perbelanjaan perlu digerakkan. Amalan berbelanja dengan berhemah perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat, seperti menyenaraikan barangan yang hendak dibeli sebelum berbelanja, membezakan antara keperluan dengan kehendak dan mengamalkan amalan berjimat cermat dalam berbelanja.

Secara keseluruhannya, tahap kepuasan terhadap simpanan responden pula berada pada tahap yang sederhana. Namun, bilangan responden yang melaporkan tahap tidak berpuas hati adalah lebih besar berbanding dengan tahap berpuas hati. Hal ini menunjukkan jumlah simpanan responden masih berada pada tahap yang rendah. Memandangkan simpanan merupakan suatu aspek yang penting kepada isi rumah, wajarlah jika kesedaran untuk menyimpan dan menabung diterapkan dalam masyarakat melalui kempen-kempen yang lebih agresif. Kerjasama pihak kerajaan dan bank-bank serta institusi kewangan bagi menggalakkan amalan menyimpan dapat ditingkatkan melalui pemberian insentif dan kadar faedah/dividen yang lebih menarik kepada pengguna. Berdasarkan analisis kajian ini, tahap simpanan responden dalam menempuhi fasa persaraan dilihat agak membimbangkan. Sehubungan itu, masyarakat perlu dididik supaya dapat melakukan amalan menyimpan seawal mereka bekerja agar dapat menempuhi hari tua atau pada usia persaraan dengan selesa.

Bagi pengukuran tahap kepuasan terhadap pemilikan harta pula, analisis mendapati tahap kepuasan responden berada pada tahap sederhana. Namun, bilangan responden yang melaporkan tahap tidak berpuas hati adalah lebih besar berbanding dengan tahap berpuas hati. Bagi meningkatkan tahap pemilikan harta, hal ini berkait rapat dengan jumlah pendapatan dan simpanan yang dimiliki oleh seseorang itu, serta corak perbelanjaan mereka. Sehubungan itu, ilmu pengetahuan berkaitan dengan pengurusan kewangan perlulah ditingkatkan dalam kalangan pengguna supaya kesejahteraan ekonomi isi rumah dapat ditingkatkan secara tidak langsung. Bagi merealisasikan perkara ini, kerjasama yang erat antara pihak kerajaan dengan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menyebarkan ilmu pengurusan kewangan tersebut digembleng dengan lebih serius.

Sehubungan itu, usaha-usaha yang bersepadu dan agresif perlu dilakukan ke arah meningkatkan tahap kepuasan terhadap pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta dalam kalangan penjawat awam ke satu tahap yang lebih baik selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat.

Dari sudut perspektif pengguna pula, kesedaran untuk menguruskan sumber-sumber yang terhad dalam memenuhi keperluan yang tidak terbatas haruslah ditingkatkan dalam penggunaan seharian bagi melahirkan pengguna yang bijak dan berdaya upaya. Bagi meningkatkan tahap kepuasan terhadap pendapatan, pengguna atau isi rumah boleh meningkatkan pendapatan mereka dengan melakukan kerja-kerja sambilan. Lebihan atau tambahan pendapatan yang diterima boleh dibuat simpanan di institusi kewangan melalui instrumen pelaburan yang sedia ada di pasaran, untuk faedah dan manfaat pada masa hadapan.

Seterusnya, bagi meningkatkan tahap kepuasan perbelanjaan, amalan perbelanjaan berhemah hendaklah diamalkan, serta amalan berjimat cermat semasa berbelanja dalam kalangan pengguna hendaklah sentiasa diberikan penekanan. Pada masa yang sama, bagi meningkatkan tahap kepuasan pemilikan harta, hal ini berkait rapat dengan amalan menyimpan dan perbelanjaan berhemah dalam kalangan isi rumah. Dalam perkara ini, isi rumah hendaklah meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam pengurusan ekonomi keluarga.

Usaha bersama-sama dan berterusan daripada pihak Kerajaan dan persatuan-persatuan pengguna mahupun badan bukan kerajaan (*NGO*) digembeleng sepanjang masa, demi melahirkan pengguna yang berdaya upaya dalam menguruskan ekonomi isi rumah dengan berhemah.

Penemuan kajian ini dapat memberikan ilmu pengetahuan yang baharu kepada lapangan kajian kesejahteraan hidup subjektif, terutamanya yang melibatkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini.

Melalui penemuan ini juga, ia diharapkan agar dapat membantu pihak berkaitan seperti pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, pihak universiti serta pengguna itu sendiri dalam mengambil tindakan susulan yang sewajarnya di samping dapat membantu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan terutamanya yang melibatkan ilmu kepenggunaan.

Pada masa akan datang, penyelidik mencadangkan supaya kajian yang seumpama ini dapat diperluaskan ke kawasan berstatus perbandaran yang rendah seperti di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis bagi melihat sejauh mana tahap kepuasan pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta yang dapat mempengaruhi kesejahteraan ekonomi dalam kalangan kumpulan isi rumah B40 dan M40. Selain itu juga, kumpulan sasaran responden juga boleh diberikan tumpuan pada kumpulan isi rumah B40 dan M40 yang bekerja dalam sektor swasta seperti perkilangan serta perindustrian, dan tidak terhad kepada penjawat awam semata-mata.

Rujukan

Baptiste, N.R. (2008). Tightening the link between employee wellbeing at work and performance. *Management Decision*, 46(2), 284–309. <https://doi.org/10.1108/00251740810854168>

Brown, C. (1995). Measuring the Adequacy of Retirement Incomes. Dalam *Retirement Income Modelling Task Force* (pp. 1–23). The Treasury, Parkes Place, Parkes, Canberra.

Diener, E., Suh, E., & Oishi, S. (1997). Recent findings on subjective well-being. *Indian Journal of Clinical Psychology*. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.125.2.276>

Dillman, D.A. (2011). *Mail and Internet Surveys: The Tailored Design Method* (Second). John Wiley & Sons, 2011.

Fuentes, N. & Rojas, M. (2001). Economic theory and subjective well-being: Mexico. *Social Indicators Research*, 289–314.

Fuentes, N. & Rojas, M. (2001). Economic theory and subjective well-Being : Mexico. *Social Indicators Research*, 1–31.

Gokdemir, O. (2015). Consumption, savings and life satisfaction: the Turkish case. *International Review of Economics*, 62(2), 183–196. <https://doi.org/10.1007/s12232-015-0227-y>

Hamid, T.A.A. & Samah, A.A. (2004). Status ekonomi warga tua Johor. Dalam *Kesejahteraan Isi Rumah : Johor Darul Takzim* (Pertama, pp. 130–145). Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Hayhoe, C. & Wilhelm, M. (1998). Modeling perceived economic well-being in a family setting: A gender perspective. *Financial Counseling and Planning*, 9(1), 21–34. Dimuat turun dari <http://afcpe.org.secure.sci-hub.org/assets/pdf/vol913.pdf>

Howell, C.J., Howell, R.T., & Schwabe, K.A. (2006). Does wealth enhance life satisfaction for people who are materially deprived? Exploring the association among the Orang Asli of Peninsular Malaysia. *Social Indicators Research*, 76(3), 499–524. <https://doi.org/10.1007/s11205-005-3107-0>

Ismail, N. (2016). *Economic hardship, family support and subjective wellbeing among vulnerable-to-poverty household heads in Selangor, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014a). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2014*. Dimuat turun dari <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014b). *Report on household expenditure survey 2014*. Dimuat turun dari <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductForm.seam?cid=19185#>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016a). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2016*. *Sumber Statistik Rasmi Malaysia*. Dimuat turun dari http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1640&Itemid=111&lang=bm

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016b). *Laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah / Report on household expenditure survey 2016*. Dimuat turun dari <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductFreeDownloadSearch.seam>

Kementerian Kewangan Malaysia. (2018). *Bajet 2018* (2018th ed.). Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Lewis, J. (2014). *Income , expenditure and personal well-being 2011/12*.

Magrabi, F.M., Chung, Y.S., Cha, S.S., & Yang, S.-J. (1991). *The Economics of Household Consumption*. New York: Praeger Publisher.

Marshall, A. (1920). *Principles of Economics*. London: Macmillan, 1(Book I), 1–323. <https://doi.org/10.1093/library/s5-XVII.3.238>

Narges, D. & Paim, L. (2011). Determinants of financial wellness among Malaysia workers. *African Journal of Business Management*, 5(24), 10092–10100. <https://doi.org/10.5897/AJBM10.1267>

Paim, L. (2009). Konsep Penggunaan dan Faktor Penentu. Dalam Laily Paim, Aini Mat Said, & Shahrifah Azizah Haron (Eds.), *Penggunaan Lestari antara Realiti & Cabaran*. (Cetakan Pe, pp. 1–26). Universiti Putra Malaysia.

Paim, L., Yahaya, N., Salleh, N., Hashim, A., & Haron, S.A. (2004). Kesejahteraan ekonomi dan kebendaan isi rumah pekerja kilang dan isi rumah berpendapatan rendah di Johor Baru. Dalam *Kesejahteraan Isi Rumah : Johor Darul Takzim* (Cetakan Pe, pp. 23–48). Aremes (M) Sdn. Bhd.

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. (2013). *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013* (Vol. 130).

Xiao, J.J. (1995). Patterns of household financial asset ownership. *Financial Counseling and Planning*, 6(401), 99–106.

Yasotha, N., Laily, P., Mohd. Fazli, S., & Husniyah, A.R. (2016). Predictors of bankruptcy probability among Malaysian civil servants: Examining the subjective measurement. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 2011(2011), 1–12.

Yusof, A.M., Ali, J., & Kamaruddin, R. (2014). Kesejahteraan hidup subjektif: Pengaruh elemen ekonomi dan bukan ekonomi. *Prosiding PERKEM Ke-9*, 9, 719–727.

Zaimah, Sarmila, Azima, Suhana, Yusof dan Lyndon. (2012). Kualiti hidup dan kesejahteraan belia: Kajian ke atas pekerja sektor awam Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6), 150–156.

Zulkipli Omar. (2016). Perbelanjaan Isi Rumah 2014. *Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)*, pp. 1–3. Dimuat turun dari https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul15_08_2016.pdf